

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

Permintaan domestik tonggak pengembangan ekonomi negara

Permintaan domestik tonggak pengembangan ekonomi negara

KDNK Malaysia suku kedua 2023 berkembang 2.9 peratus

Kuala Lumpur: Permintaan domestik yang kekal memberangsangkan pada suku kedua (S2) 2023 telah menyokong ekonomi Malaysia, meskipun negara turut terkenas akibat kedinginan paskan global.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku kedua 2023 berkembang 2.9 peratus dan menjadikan pertumbuhan ekonomi pada separuh pertama 2023 kepada 4.2 peratus.

Menurut Kementerian Kewangan (MoF), kadar pertumbuhan pada separuh pertama tahun ini adalah sejajar dengan unjuran kerajaan sebanyak 4.0 peratus hingga 5.0 peratus untuk keseluruhan 2023.

"Permintaan domestik kekal ampuh pada S2 2023 dengan peningkatan 4.5 peratus, manakala jumlah pendapatan luar menguncur 11.3 peratus kepada RM643.4 bilion pada suku kedua 2023.

"Perbelanjaan awam dan swasta menjdi pemacu pertumbuhan ekonomi, dengan keduanya-dua sektor terbabit masing-masing meningkat sebanyak 4.6 peratus dan 4.5 peratus.

"Dari sudut penawaran, perkembangan ekonomi Malaysia pada suku kedua 2023 ini disokong oleh peningkatan dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan," menurut Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya lagi, kadar inflasi turun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023, manakala pengangguran berjaya mencatat kadar terendah pasca pandemik, iaitu 3.4 peratus pada Jun 2023 berbanding 3.5 peratus pada Mei 2023.

Inflasi domestik Malaysia pada Jun 2023 adalah rendah berbanding setesetengah ekonomi maju dan serantau seperti United Kingdom (7.9 peratus), Filipina



Ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dalam mendepani keadaan pasaran global yang mencabar. (Foto hisan)

EKONOMI MADANI Memperluas Rakyat

"Dalam keadaan pasaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dan mengangkat pertumbuhan," menurut Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya lagi, kadar inflasi turun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023, manakala pengangguran berjaya mencatat kadar terendah pasca pandemik, iaitu 3.4 peratus pada Jun 2023 berbanding 3.5 peratus pada Mei 2023.

Inflasi domestik Malaysia pada Jun 2023 adalah rendah berbanding setesetengah ekonomi maju dan serantau seperti United Kingdom (7.9 peratus), Filipina

dan meneruskan usaha untuk mempercepatan pencapaian pelaburan yang sudah diluluskan serta menyegerakan pelaksanaan projek kerajaan," ujar Perdana Menteri.

Menurut MoF sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI, keriaan dasar iaitu Pelan Induk Perindustrian Baharu 2020, Kajian Separuh Pengal Rancangan Malaysia Ke-12 dan Belanjawan 2024 akan memperbaiki strategi dan langkah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia serta mendakwa inflasi global serta prospek pertumbuhan ekonomi utama, kohbahnyaannya adalah rakan dagang Malaysia.

"Namun, kerajaan berpegang teguh kepada unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus dalam Landskap ekonomi dalam negeri kekal titut berdasarkan statistik yang ada."

"Bagi memacu pertumbuhan dalam negeri, kerajaan akan meningkatkan dasar fiskal responsif

INFO

KDNK Malaysia

- Suku kedua 2023 berkembang 2.9 peratus.
- Lonjor pertumbuhan ekonomi separuh pertama 2023 kepada 4.2 peratus.
- Unjuran pertumbuhan separuh pertama 2023 sebanyak 4.0-5.0 peratus untuk keseluruhan 2023.

Permintaan domestik suku kedua 2023

- Kekal ampuh dengan peningkatan sebanyak 4.5 peratus.
- Jumlah pendapatan luar menguncur 11.3 peratus kepada RM643.4 billion.

Perbelanjaan awam dan swasta

- Jadi pemacu pertumbuhan ekonomi
- Masing-masing meningkat 4.6 peratus dan 4.5 peratus.

Sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan suku kedua 2023


- Sektor pembinaan catat pertumbuhan tertinggi sebanyak 6.2 peratus
- Sektor perkhidmatan catat pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus
- Sektor pembuatan catat pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus.

Inflasi dan pengangguran

- Turun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023
- Inflasi domestik Malaysia pada Jun 2023 rendah berbanding setesetengah ekonomi maju, serantau.
- Pengangguran catat kadar terendah pascapandemik, 3.4 peratus Jun 2023 berbanding 3.5 peratus Mei 2023.



Perkembangan ekonomi negara pada suku kedua 2023 disokong oleh peningkatan dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan.



(Foto hisan)